

03/11/2001

Atlit digesa berlatih secara serius

Lukman Salleh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa atlit negara supaya meneruskan latihan secara serius bagi merealisasikan impian meraih pingat emas pada Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Perdana Menteri berkata, atlit tidak harus mudah putus asa, sebaliknya berterusan menjalani latihan bagi meletakkan nama dan bangsa pada persada antarabangsa.

"Dalam apa jua bidang, latihan amat penting kerana latihan membentuk kesempurnaan. Mungkin kita terpaksa berlatih agak lama tetapi kita mesti berlatih dan berlatih.

"Latihan akan memberikan kita kebolehan luar biasa kalau kita percaya kita boleh, kita boleh melakukannya.

"Kalau kita tidak yakin dan tidak berlatih secara serius maka kita tidak akan dapat meningkatkan prestasi kita," katanya ketika berucap pada majlis meraikan kejayaan kontinjen Malaysia pada Sukan Sea XXI dan penyampaian cek Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara (MSN) di Kuala Lumpur malam tadi.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Wira Mazlan Ahmad.

Dr Mahathir juga berharap pada masa depan, atlit negara akan mencapai kejayaan cemerlang dan mendapat pingat emas pada Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

"Ini sedikit demi sedikit akan menjadikan kita bangsa yang terkenal dalam dunia sukan," kata Dr Mahathir.

Seramai 185 atlit menerima hadiah Skim Kemenangan Sukan daripada Perdana Menteri pada majlis bagi meraikan kejayaan cemerlang atlit negara pada Sukan Sea XXI yang menyumbangkan 111 emas dan muncul juara keseluruhan buat pertama kali dalam sejarah temasya itu.

(END)